

08 FEBRUARI 2018

Sofi Jikan kena reman tiga hari

Sofi Jikan kena reman tiga hari

➔ Pelakon ditahan positif dadah ketika hadir bantu siasatan dua laporan polis

Oleh Sarah Zulkiffi dan Faris Fuad
bhnews@bh.com.my

► Petaling Jaya

Pelakon Sofi Jikan atau nama sebenarnya Mohamad Shoffi Jikan, direman tiga hari sehingga esok, bagi membantu siasatan selepas didapati positif dadah jenis ganja.

Perintah reman itu dikeluarkan Penolong Pendaftar Mahkamah Majistret, Hairul Azhar Mohd Ishak terhadap pelakon berusia 48 tahun yang terkenal dengan dialog 'kasi sengat' itu.

Sofi disiasat mengikut Seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan sabit kesalahan boleh dipenjara maksimum dua tahun atau denda maksimum RM5,000 atau kedua-duanya serta perintah pengawasan sehingga tiga tahun.

Terdahulu, pelakon memakai

baju lokap berwarna jingga itu tiba di Kompleks Mahkamah Petaling Jaya pada jam 9.03 pagi sebelum dibawa masuk ke bilik reman pada jam 11.25 pagi.

Dia yang diiringi anggota polis, keluar dari bilik reman 30 minit kemudian.

Masukkan dadah dalam minuman

Pelakon yang terkenal dengan watak antagonis itu ditahan di Balai Polis Mutiara Damansara pada jam 11 malam kelmarin ketika hadir memberi keterangan berhubung dua laporan polis dibuat pelakon Datuk Farid Kamil Zahari, 37, pada 31 Januari lalu.

Dalam laporan polis itu, Farid Kamil mendakwa tiga rakan artisnya dikatakan meletakkan dadah dalam minumannya.

Pada 16 Januari lalu, Farid Kamil didakwa di Mahkamah Majistret di sini, atas empat pertuduhan iaitu dua tuduhan menyebabkan kecederaan, berkelakuan tidak senonoh dan mengganggu penjawat awam di Balai Polis Trafik Kota Damansara.

Sofi ketika ditemui selepas perintah reman dikeluarkan berkata, ia pengalaman amat menarik.

"Alhamdulillah syukur, pengalaman amat menarik. Saya bahagia kerana mendapat kumpulan yang

baik. Guys... Malaysia is wonderful (Buat semua, Malaysia menakjubkan)," katanya.

Sementara itu, Presiden Dewan Perniagaan Artis dan Selebriti, Datuk Shaharul Nizam Yunus yang juga teman rapat Sofi menyifatkan pelakon itu berjiwa besar.

Beliau yang menemani Sofi ke balai polis malam kelmarin, berkata pelakon itu berani tampil memberikan keterangan berhubung laporan polis dibuat terhadap dirinya.

"Dia mahu memastikan perkara ini diselesaikan cara baik walaupun perit. Beribu-ribu orang direman, bukan semuanya bersalah," katanya.

Kenal pasti lagi dua individu

Sementara itu, polis sudah mengenal pasti dua lagi individu yang disyaki terabit dalam penyalahgunaan dadah bersama Sofi seperti didedahkan Farid Kamil, sebelum ini.

Timbalan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman, Datuk Kang Chez Chiang, berkata dua individu yang disebut Farid sudah menyatakan kesediaan tampil membantu siasatan.

"Saya belum dapat mendedahkan identiti dua individu terabit sehingga mereka tampil membantu siasatan," katanya ketika dihubungi, semalam.



Sofi Jikan diiringi polis di Kompleks Mahkamah Petaling Jaya, semalam.

[FOTO MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI/BH]